



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH AIDILFITRI (DI RUMAH)

Tajuk :

“BERBEZA NAMUN BERMAKNA”

Tarikh Dibaca :

1 SYAWAL 1441H

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



“ BERBEZA NAMUN BERMAKNA”

1 Syawal 1441H

الله أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ
أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَن تَبَعَهُ
وَوَاللَّهُ أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ . أَمَّا بَعْدُ فَيَا
عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أُوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ سُبْحَانَهُ

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَتَقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٢﴾

Alhamdulillah segala puji-pujian hanya milik Allah, selawat dan salam buat junjungan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga baginda, para sahabat baginda serta semua umat yang mengikuti jejak langkah baginda hingga hari kiamat. Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya seperti yang telah ditunjukkan kepada kita oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Sidang jemaah keluargaku yang dirahmati Allah,
Hari ini merupakan Eidul Fitri yang cukup istimewa dan bermakna buat kita semua. Sebagai hamba Allah, sepanjang Ramadan yang berlalu kita telah berusaha melakukan yang terbaik dalam menghidupkan Ramadan dengan pelbagai agenda ibadah siang dan malam semuanya kerana menjunjung perintah Allah SWT dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Semoga Allah SWT menerima semua amal ibadah kita. Marilah kita bersama-sama saling mendoakan dengan doa yang berbunyi:

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنْكُمْ

Yang bermaksud: Semoga Allah menerima daripadamu (segala amal ibadahmu).

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Saudara saudariku yang dikasihi,
Sesungguhnya Ramadan dan Syawal kali ini kita sambut dalam suasana yang berbeza namun bermakna. Sepanjang Ramadan kali ini kita telah bersama-sama belajar menjalani ibadah di rumah masing-masing dengan pengalaman baru yang pasti tidak akan kita lupakan selama-lamanya. Seterusnya pada hari ini kita bersolat sunat Hari Raya dan berkhutbah pun di rumah masing-masing. Semoga ini semua menjadi asbab Allah SWT melimpahkan rahmahNya ke atas rumah dan keluarga kita semua. Inilah yang dimaksudkan dengan berbeza namun bermakna.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Suasana yang telah kita lalui ini banyak mengajar kita semua tentang hikmah kesabaran dan ketabahan, hikmah pergantungan dan penyerahan diri kepada Allah, hikmah ketaatan kepada ulamak dan umarak atau pemerintah, hikmah persahabatan dan persaudaraan, hikmah saling menghormati dan melengkapi antara satu sama lain serta pelbagai hikmah di sebalik musibah virus Covid-19 yang melanda dunia dan Negara kita. Semua ini mudah-mudahan akan menjadikan kita semua hamba-hamba Allah yang semakin meningkat keimanan dan kesyukurannya kepada Allah, Tuhan yang Maha Mengetahui segala-galanya. Sebagai hamba Allah kita wajib yakin dengan janji Allah yang berfirman dalam surah al-Insyirah:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Maksudnya: Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan): Bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (Surah al-Insyirah: ayat 5-6)

Untuk itu marilah kita bersama-sama terus merayakan Eidul Fitri pada hari ini dengan terus melakukan amal ibadah kepada Allah SWT. Semua yang kita lakukan sepanjang Ramadan hendaklah diteruskan khususnya amalan puasa sunat enam hari di bulan Syawal selain pembacaan Al-Quran dan sebagainya. Pada masa yang sama kita hendaklah mematuhi segala arahan pihak berkuasa bersempena PKPB yang masih berjalan. Jangan kita lupa tentang bahawa keluarga di kampung masih boleh kita hubungi, sanak saudara masih boleh kita santuni, rakan-rakan masih boleh kita

tanyakan khabar mereka walaupun tanpa agenda ziarah menziarahi di alam nyata tetapi masih boleh dilakukan di alam maya.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى الرَّسُولِ الْأَمِينِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ . أَمَّا بَعْدُ فَيَا
عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أُوْصِيْكُمْ وَنَهْيُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ . قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْنَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الْذِيْنَ إِنَّمَّا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ﴿١٣﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ وَسَلَّمَتَ
وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
اللَّهُمَّ أَيْدِيْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا
سَرِيْ قَدُوكْ بَكِينِدا يَعْ دَفَرْتُوانِ آكُوْغُ ، السُّلْطَانُ عَنْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُضْطَفَى بِاللَّهِ
شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .
وَكَذِلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدُوكْ بَكِينِدا رَاجِ قَرْمَايِسُورِيِ آكُوْغُ ،
تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةُ أَمِينَةُ مَيْمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ
سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ .

Ya Allah, Kau ampunkanlah segala dosa kami, ibubapa kami, kaum keluarga kami, para pemimpin kami dan semua kaum muslimin dan muslimat yang masih hidup dan yang telah meninggalkan kami. Ya Allah, Kau terimalah semua amal ibadah kami dan rahmatilah kami dengan keampunanMu dan kasih sayangMu. Ya Allah, Kau hilangkanlah wabak Covid-19 dari negara kami serta negara-negara lain di seluruh dunia supaya kami dapat meneruskan kehidupan kami sebagai khalifahMu di muka bumi ini.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ...
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهِ الْحَمْدُ.